

## **Berbudi Kepada Tanah, Tanah Tidak Tipu**

Oleh: Nurul Ain Farhana binti Abu Sani

*Universiti Sains Islam Malaysia*

*Diterbitkan pada 30 Julai 2021*

‘Berbudi kepada tanah, tanah tidak tipu’ merupakan peribahasa yang menggalakkan masyarakat untuk menjalankan aktiviti pertanian.

Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merupakan waktu terbaik untuk melakukan aktiviti bersama keluarga sekali gus mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan.

Dahulu, kita bebas bergerak ke mana-mana sahaja. Kini, pergerakan kita sudah terbatas dan tidak boleh bergerak bebas mengikut kehendak sendiri.

Rakyat Malaysia pastinya tidak boleh duduk diam sahaja di rumah. Mereka sentiasa mengambil peluang untuk melakukan apa sahaja aktiviti.

Misalnya, mereka yang tidak pernah terlintas untuk memegang cangkul, semasa musim PKP ini mula menunjukkan kebolehan berkebun.

Siapa sangka, aktiviti secara suka-suka bagi menghilangkan kebosanan semasa PKP itu mampu dijadikan pendapatan tambahan. Lebih hasil yang dituai juga boleh diberikan secara percuma kepada saudara-mara dan kenalan.



Gambar hiasan

Trend berkebun di rumah sebenarnya sudah lama wujud di kawasan bandar. Kita sendiri dapat melihat perkongsian aktiviti tersebut dalam kumpulan Facebook Kebun Bandar yang sangat aktif.

Ahli-ahlinya berkongsi pelbagai pengalaman dan petua memulakan projek bercucuk tanam dalam kawasan yang terhad untuk keperluan keluarga.

Kajian penyelidikan Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Haliza Abdul Rahman mendapati seramai 63,130 penduduk bandar dan pinggir bandar telah menyertai program kebun bandar di 2, 715 lokasi seluruh negara.



Gambar hiasan

Sejak kerajaan mengumumkan PKP fasa pertama, ramai yang mula menjalankan aktiviti berkebun dan kebanyakan mereka memilih tanaman yang cepat dituai hasilnya seperti sawi, bayam Brazil, kailan dan kangkung.

Misalnya, seorang penghuni rumah teres di Johor memilih menanam sayuran yang cepat dituai serta tidak memerlukan penjagaan rapi iaitu bayam Brazil.

Tanaman ini sangat mudah dijaga dan berkhasiat untuk kesihatan tubuh. Tanaman lain seperti serai, kunyit dan pandan kebiasaannya boleh ditemukan di kebanyakan rumah.

Rakyat Jepun pula lebih terkehadapan dalam bidang pertanian bandar. Contohnya adalah kebun Mori Tora yang terletak di bandar raya Tokyo.

Kewujudan kebun dalam bandar raya yang terkenal dengan arus kemajuan yang pesat itu menunjukkan kerajaan Jepun benar-benar kreatif dalam usaha menggalakkan aktiviti bercucuk tanam sebagai kegiatan riadah yang bermanfaat untuk rakyatnya.

Langkah itu menyuntik semangat mencintai alam semula jadi, sekali gus membentuk inisiatif memelihara alam sekitar secara komersial.

Pengurus Jualan Mori Tora, Kaechido Suzuki berkata, sambutan daripada penduduk Jepun adalah sangat menggalakkan dan ia dapat dilihat melalui peningkatan jumlah penyewa tapak kebun.

Katanya, kebun bandar itu menyediakan tanah seluas kira-kira 10 kaki dengan kadar sewaan kira-kira 1,000 yen. Penyewa boleh menanam apa sahaja jenis sayur selama sembilan bulan. Kemudian, terpulang sama ada penyewa memetik hasilnya untuk dimakan sendiri atau dijual.

Uniknya, penyewa menganggap mereka melakukan aktiviti riadah di dalam taman sambil menanam sayur-sayuran yang mereka suka. Program anjuran syarikat swasta ini bertujuan

menggalakkan rakyat Jepun terlibat dalam pertanian moden sekali gus menyahut saranan kerajaan terhadap pemeliharaan keindahan alam semula jadi.

Kegiatan pertanian dari aspek akidah dapat mendekatkan diri seseorang kepada Allah SWT. Hal ini kerana tanda kebesaran Allah SWT dapat dilihat dengan jelas dalam proses kejadian tumbuh-tumbuhan atau tanaman.

Firman Allah SWT dalam surah an-Naml, ayat 60 yang bermaksud, “Atau siapakah yang telah menciptakan langit dan bumi dan yang menurunkan air untukmu dari langit, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu kebun-kebun yang berpemandangan indah, yang kamu sekali-kali tidak mampu menumbuhkan pohon-pohonnya? Apakah di samping Allah ada Tuhan (yang lain)? Bahkan (sebenarnya) mereka adalah orang-orang yang menyimpang (dari kebenaran).”

Sememangnya, semua pihak beroleh manfaat apabila melibatkan diri dalam aktiviti bercucuk tanam yang dapat membuahkan hasil yang lumayan terutamanya dalam situasi pandemik ini.